



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"WANITA TUNJANG PEMBANGUNAN UMMAH"

10 Mac 2023 / 17 Syaaban 1444

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدًى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الَّذِينَ كُلَّهُ وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَعَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أَوْ صِنْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan semua larangan Nya; mudah-mudahan kita beroleh kemenangan dan kebahagiaan; dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalbun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

"WANITA TUNJANG PEMBANGUNAN UMMAH"

Firman Allah SWT ayat 58 dan 59 surah An-Nahl:

﴿وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِالْأُنْثَى نَذَلَ وَجْهُهُ، مُسْوَدًا وَهُوَ كَظِيمٌ ﴾٥٨﴿يَتَوَرَّى مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ﴾
﴿أَيْمُسِكُهُ عَلَيْهِ هُوَ نَاءٌ مَيْدُسُهُ فِي التُّرَابِ الْأَسَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴾٥٩﴾

Bermaksud: Dan apabila seseorang daripada mereka diberi khabar berita tentang (kelahiran) anak perempuan, hitamlah (merah padamlah) mukanya (kerana menanggung dukacita) dan dia menahan marah. Dia menyembunyikan dirinya daripada orang ramai (berasa malu) disebabkan buruknya berita yang disampaikan kepadanya (tentang dia beroleh anak perempuan, sambil dia berfikir), adakah dia akan memeliharanya dengan menanggung kehinaan atau akan menguburkannya ke dalam tanah (hidup-hidup)? Ketahuilah, alangkah buruknya apa-apa yang ditetapkan oleh mereka itu.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Begitu hinanya kedudukan wanita ketika zaman jahiliah; demikian penindasan yang dilalui oleh wanita sebelum kedatangan Islam. Islam ialah agama *Rahmatan-Lil-Alamin*, membawa maksud kedamaian, keamanan, dan perlindungan. Oleh itu, sejak kedatangan Islam, wanita telah dimuliakan dan darjat mereka diangkat. Pengiktirafan Islam terhadap wanita terteria, berdasarkan salah satu daripada 114 surah dalam al-Quran dinamakan Surah An-Nisaa’ iaitu surah berkaitan wanita.

Jemaah yang dimuliakan,

Sabtu tahun, tarikh 8 Mac disambut sebagai ‘Hari Wanita Sedunia’. ‘Hari Wanita’ merupakan hari menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang dicapai oleh wanita. Sejarah ‘Hari Wanita Sedunia’ bermula pada 28 Februari 1908, dengan perarakan 15 ribu orang wanita di kota raya New York, bertujuan menuntut tiga perkara utama:

Pertama: Taraf wanita sebagai pekerja dan warganegara.

Kedua: Waktu bekerja yang lebih singkat.

Ketiga: Hak wanita boleh mengundi.

Amerika Syarikat hari ini dipandang sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang memberikan hak kepada rakyat untuk memilih pemimpin. Meskipun Amerika Syarikat memperkenalkan sistem pilihan raya memilih presiden pada tahun 1788; namun wanita hanya diberikan hak mengundi yang setaraf dengan lelaki pada tahun 1920, iaitu 132 tahun selepas pilihan raya diperkenalkan. Begitu juga negara Inggeris yang memperkenalkan pilihan raya pada tahun 1695, namun wanita, hanya mendapat hak mengundi yang setaraf dengan lelaki pada tahun 1928, iaitu 233 tahun selepas pilihan raya diperkenalkan. Di Perancis wanita hanya mendapat hak mengundi yang sama pada tahun 1944, seratus lima puluh tiga tahun selepas pilihan raya diperkenalkan; dan Greece yang memperkenalkan pilihan raya pada tahun 1843, tetapi wanita di negara tersebut hanya mendapat hak mengundi 109 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1952. Alhamdulillah di negara kita, hak wanita untuk mengundi tidak dinafikan sebaik pilihan raya umum pertama diperkenalkan pada tahun 1955.



Jemaah yang dirahmati Allah;

Lazimnya, di sisi kejayaan seorang lelaki, ada wanita yang berperanan sebagai tunjangnya. Sayidatina Khadijah telah mengamanahkan kepercayaan dan membina keyakinan Nabi Muhammad SAW hingga menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya. Ketika Baginda menggil ketakutan, susulan pertemuan pertama dengan Malaikat Jibrail AS, Sayidatina Khadijah memberikan Baginda ketenangan, selanjutnya mengukuhkan pegangan Baginda untuk menyebar ajaran Islam dengan menjadi pengikut pertama ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Sayidatina Fatimah al-Zahra, Sayidatina Aisyah binti Abu Bakar dan Sayidatina Hafsa binti Umar adalah antara wanita yang tercatat dalam sejarah, berperanan penting pada era Islam mula diperkenal dan dikembangkan. Di serata dunia, wanita tercatat dalam sejarah berperanan besar membantu pelbagai usaha membangunkan ummah. Universiti pertama dan tertua di dunia iaitu Universiti al-Qarawiyyin di Morocco telah diasaskan penubuhannya melalui cetusan pemikiran seorang wanita yang berwawasan jauh bernama Fatimah al-Fihri.

Wanita merupakan 47.7 peratus daripada jumlah keseluruhan 32.4 juta orang penduduk di Malaysia, meletakkan nisbah jantina bagi penduduk Malaysia, 110 orang lelaki berbanding 100 wanita. Namun begitu, wanita semakin berpengaruh dan semakin ketara peranannya. Dilaporkan, pelajar wanita di sekolah dan di universiti semakin menunjukkan pencapaian peperiksaan yang lebih cemerlang daripada pencapaian pelajar lelaki, malah bilangan pelajar perempuan semakin ramai di universiti berbanding pelajar lelaki. Wanita semakin diamanahkan dengan tanggungjawab yang lebih besar dan penting dalam perkhidmatan awam, dalam sektor swasta, dalam dunia akademik, dalam badan beruniform, dalam perkhidmatan guaman dan kehakiman, dan dalam bidang politik; begitu juga dalam bidang profesional sebagai saintis, jurutera, jurubina, pilot, dan doktor. Terkini, beberapa orang wanita muda Islam di negara kita, mencatatkan kejayaan yang telah mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa; antaranya:

Pertama: Dr. Wan Wardatul Amani Wan Salim merupakan rakyat Malaysia pertama yang melancarkan pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (NASA) ke angkasa lepas.



Kedua: Dr. Amalina Che Bakri secara nekad telah membawa bayi berusia sembilan bulan, Ainul Mardhiah ke Hospital Kanak-kanak London pada tahun 2019 untuk menjalani pembedahan membuang tumor seberat 200 gram di bahagian mulut.

Ketiga: Heliza Helmi dan Hazwani Helmi, pasangan adik-beradik; dikenali dengan kerja-kerja amal misi kemanusiaan di dalam dan di luar negara, mereka turun ke lapangan, memberanikan diri berada di kawasan pertempuran peperangan untuk menghulurkan bantuan di Syria dan Gaza. Semangat srikandi wanita sejati yang mereka jiwi, sewajarnya menjadi contoh teladan.

Mukminin yang dilimpahi keberkatan llahi

Islam meletakkan wanita sebagai makhluk yang mulia. Allah SWT menciptakan wanita berserta keindahannya dari hujung kepala hingga ke hujung kaki. Keindahan itu bukan hanya dinilai secara zahir, tetapi juga secara hati dan fikiran. Selayaknya keindahan itu haruslah dijaga dengan baik. Sesungguhnya wanita dicipta oleh Allah SWT dengan memiliki banyak keistimewaan. Mimbar memilih menyenaraikan empat keistimewaan yang dimiliki wanita:

Pertama: Wanita memiliki kudrat untuk mengandung janin dalam rahimnya, mempunyai kekuatan menanggung berat kandungan selama lebih 9 bulan sehingga dilahirkan bayi, dan memiliki kecekalan mengalami sakit pada saat melahirkan bayi. **Kedua:** Sebaik bayi dilahirkan tubuh wanita dilengkapi dengan susu untuk menjadi sumber makanan bayi.

Ketiga: Sifat keibuan yang tinggi; sesibuk dan sepenat mana seorang wanita, tanggungjawab sebagai ibu tetap diutamakan dan tidak pernah disisihkan, untuk mengasuh dan membesarkan anak-anak dengan limpahan kasih sayang yang tidak mengenal hujung. **Keempat:** Memiliki sifat sabar yang tinggi dan sedia berkorban untuk kebahagiaan suami, anak-anak dan keluarga.

Mimbar menyeru para suami menunjukkan simpati dan ihsan meringankan beban kerja isteri di rumah, begitu juga mimbar menyeru anak-anak untuk menunjukkan kasih sayang terhadap ibu dengan membantu melakukan kerja rumah, bermula dengan membasuh sebiji pinggan dan sebutir cawan, menyidai kain di ampaian atau memasukkan kain dalam mesin basuhan, membersihkan bilik air sambil mandi dan membersihkan rumah di hujung minggu, agar beban tanggungjawab isteri dan ibu dapat diringankan, membolehkan mereka mempunyai lebih masa untuk berehat.



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُوْلِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Jadikan wanita kami dalam kalangan hamba Mu yang beriman seterusnya melahirkan generasi yang terbaik. Bimbing kami mendidik anak-anak perempuan kami menjadi insan yang berguna untuk masyarakat dan permata buat negara.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْلَمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.